

Perpustakaan Pita (Audio Video) Pusat Bahasa

Norehan Ahmad*

Abstrak: Unit Media, Pusat Bahasa ditubuhkan dalam tahun lapan puluhan dengan tujuan utamanya untuk membantu kakitangan akademik dan pelajar-pelajar mengeluarkan bahan-bahan audio visual bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Penubuhan sebuah perpustakaan untuk menyimpan bahan-bahan tersebut amat diperlukan dan oleh demikian sebuah Perpustakaan pita telah diwujudkan. Terdapat lebih kurang 1,500 pita audio dan video di perpustakaan tersebut. Butir-butir rekod pita-pita akan dikomputerkan mengikut sistem katalog 'online' yang digunakan di Perpustakaan Utama.

Abstract: The Media Unit of the Language Centre, University of Malaya was established in the 80's for the main purpose of providing assistance to the academic staff and students in producing audio visual materials for the teaching and learning of languages at the Language Centre. The set-up of a library to store the audio and video materials became pertinent and consequently, an Audio/Video Tape Library was established. There are more than 1,500 audio and video tapes available in this Library. The bibliographic records of the audio/video tapes will soon be computerized in accordance with the 'on-line' cataloguing system of the Main Library.

Unit Media

Unit Media, Pusat Bahasa yang ditubuhkan dalam tahun lapan puluhan mempunyai beberapa fungsi di mana di antaranya ialah seperti berikut:-

- (a) Bertindak sebagai pusat pengeluaran, penyimpanan dan pengedaran untuk bahan-bahan pendidikan yang sesuai untuk fakulti/pusat/jabatan. Kemudahan-kemudahan diutamakan untuk keperluan-keperluan Pusat Bahasa.
- (b) Membuat rakaman bahan-bahan pengajaran yang disediakan oleh guru dan pensyarah.
- (c) Membuat rakaman pengajaran pelajar (misalnya bagi kursus ESL) dan membuat rakaman balik bagi tujuan pengajian khususnya.
- (d) Memainkan peranan menggalakkan karya kreatif pelajar.
- (e) Membuat rakaman ceramah pensyarah-pensyarah pelawat dan demonstrasi.
- (f) Membuat rakaman bagi peristiwa-peristiwa semasa di dalam dan di luar kampus yang melibatkan pelajar-pelajar atau Universiti Malaya.

- (g) Memberi perkhidmatan kepada institusi-institusi lain di universiti yang memerlukan perkhidmatan Unit Media.

Untuk menyempurnakan fungsi-fungsi yang tercatit di atas, Unit Media mempunyai alat kelengkapan untuk menerbitkan filem serta pita-pita kaset audio dan video. Pita-pita video dan kaset, serta filem-filem gulung yang diterbitkan disimpan di sebuah setor pita. Baru-baru ini setor pita ini dialihkan nama kepada 'Perpustakaan Pita'. Pertukaran ini dibuat atas nasihat Pengarah Pusat Bahasa. Dengan pertukaran ini, pihak Perpustakaan Pusat Bahasa, dengan secara tidak langsung bertanggungjawab bersama dengan pihak Unit Media dalam penyusunan dan pengendalian bahan-bahan dalam perpustakaan pita tersebut.

Perpustakaan Pita

(i) Lokasi

Perpustakaan Pita Pusat Bahasa terletak di tingkat pertama Pusat Bahasa, berhampiran dengan Bilik Menyunting. (Sila lihat Lampiran I - Lokasi Perpustakaan Pita).

* Pustakawan, Perpustakaan Pusat Bahasa, Universiti Malaya.

(ii) Koleksi

Di antara bahan-bahan yang disimpan di dalam perpustakaan tersebut ialah pita-pita video, audio dan filem gulung. Sejumlah besar pita-pita tersebut adalah mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, bahasa Malaysia dan bahasa Perancis. Pita audio berjumlah 1349 dan pita video pula 167. (Sila rujuk Rajah I-III).

Bahan-bahan ini telah dikumpulkan oleh pensyarah-pensyarah pada amnya bagi kegunaan dalam kursus-kursus bahasa. Terdapat juga pita-pita yang disalinkan dari pita-pita video, audio atau filem yang dipinjamkan daripada institusi-institusi luar, bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran khususnya.

Ada beberapa tajuk pita audio dan pita video yang diterbitkan oleh kakitangan akademik Pusat Bahasa dengan usahasama British Council di bawah projek UMSEP (University of Malaya Spoken English Project). Di antara bahan-bahan yang diterbitkan ialah Preparatory Oral Skills for Management, Oral Skills for Management, Oral Skills for Management dan Oral Skills for Law. Bagi 'Oral Skills for Management' dan 'Oral Skills for Law' rancangan pita video disertakan bersama.

RAJAH I - PERPUSTAKAAN PITA PUSAT BAHASA KOLEKSI PITA AUDIO		
BIL.	BAHASA-BAHASA	JUMLAH PITA
1.	Bahasa Arab	3
2.	Bahasa Belanda	14
3.	Bahasa Burma	3
4.	Bahasa Cina	19
5.	Bahasa Inggeris	593
6.	Bahasa Jepun	44
7.	Bahasa Jerman	11
8.	Bahasa Korea	32
9.	Bahasa Malaysia	329
10.	Bahasa Perancis	206
11.	Bahasa Tagalog	3
12.	Bahasa Rusia	20
13.	Bahasa Sepanyol	20
14.	Bahasa Tamil	19
15.	Bahasa Thai	27
16.	Bahasa Daerah (Sarawak)	6

RAJAH II - PERPUSTAKAAN PITA PUSAT BAHASA KOLEKSI PITA VIDEO		
BIL.	BAHASA-BAHASA	JUMLAH PITA
1.	Bahasa Arab	9
2.	Bahasa Inggeris	86
3.	Bahasa Perancis	12
4.	Bahasa Malaysia	16
5.	Lain-lain (misalnya peristiwa semasa)	44

RAJAH III - PERPUSTAKAAN PITA PUSAT BAHASA FILEM GULUNG (OPEN REEL)		
BIL.	BAHASA	JUMLAH PITA
1.	Bahasa Rusia	26

RAJAH IV- PERPUSTAKAAN BAHASA KOLEKSI PITA VIDEO		
BIL.	BAHASA-BAHASA	JUMLAH PITA
1.	Bahasa Cina	6
2.	Bahasa Perancis	8

RAJAH V - PERPUSTAKAAN BAHASA KOLEKSI PITA AUDIO		
BIL.	BAHASA	JUMLAH PITA
1.	Bahasa Inggeris	75
2.	Bahasa Arab	8
3.	Bahasa Cina	2
4.	Bahasa Jerman	7
5.	Bahasa Perancis	11
6.	Lain-lain (i) Persidangan	16

(iii) Syarat Pinjaman

Selama ini, pita-pita tersebut dipinjamkan kepada kakitangan akademik tanpa tempoh pinjaman yang terhad. Bagi pelajar-pelajar pula, pinjaman diberi hanya dengan kebenaran. Kakitangan teknikal dari Unit Media iaitu Puan Anita bt. Sulaiman (koleksi pita audio) dan Encik Abdul Salim b. Ali (koleksi pita video) ditugaskan mengawasi Perpustakaan ini. Pembantu Teknik, Encik Husnil Abdullah pula, menyeliakan Perpustakaan Pita ini.

(iv) Susunan Senarai Koleksi Pita

Senarai pita-pita disusun menggunakan Dbase II. Butir-butir yang didapati dalam senarai pita video adalah seperti berikut:

- (a) bahasa atau subjek
- (b) kandungan
- (c) jenis pita
- (d) catatan
- (e) nombor siri

Senarai pita audio masih belum dikemas kinikan. Susunan senarai ini adalah mengikut nombor siri, tajuk, jenis pita dan nombor lokasi di rak.

Koleksi Pita di Perpustakaan Bahasa

Dijangkakan bahawa semua koleksi pita kaset audio/video di Perpustakaan Bahasa akan dimasukkan dan disatukan dalam koleksi pita-pita di Perpustakaan Pita. Pada masa ini sejumlah besar koleksi pita kaset audio di Perpustakaan Bahasa adalah mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Kebelakangan ini koleksi pita kaset audio/video kurang bertambah disebabkan potongan dalam peruntukan buku dan oleh itu bahan-bahan baru tidak dapat diperolehi. (Sila lihat rajah-

rajah IV dan V - Koleksi Pita Kaset Audio dan Video di Perpustakaan Bahasa). Pinjaman pita-pita tersebut diberikan kepada kakitangan akademik bagi tempoh masa satu bulan dan bagi pelajar-pelajar pula untuk digunakan di perpustakaan sahaja.


Rancangan Sistem Katalog

Perpustakaan Bahasa akan membantu dalam kerja-kerja mengkatalog pita-pita video dan audio supaya sistem yang digunakan sejajar dengan sistem di Perpustakaan Utama. Dengan menyelaraskan sistem katalog ini, butir-butir bahan yang disimpan di Perpustakaan Pita boleh dimasukkan ke dalam sistem komputer berangkai (network) Perpustakaan Universiti Malaya. Ini akan membolehkan pihak lain selain daripada pihak Pusat Bahasa membuat rujukan dan menggunakan koleksi pita tersebut dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Unit Media Pusat Bahasa.

Butir-butir rekod pita-pita audio/video akan dikatalog mengikut AACR II (Anglo American Cataloging Rules II) dan indeks subjek yang akan digunakan ialah 'Library of Congress Subject Headings List'. Puan Tan Siew Eng, Ketua Bahagian Katalog, telah pun menyediakan format baru untuk mengkatalog bahan-bahan tersebut. Format yang digunakan ialah 'Library of Congress' MARC format. Panduan bertulis untuk menggunakan format ini akan disediakan tidak lama lagi untuk diedarkan pada pihak-pihak berkenaan.

Perpustakaan Pita Pusat Bahasa perlu diberi perhatian tinggi kerana koleksi di dalamnya merupakan khazanah yang sungguh bernilai kepada masyarakat di dalam dan di luar kampus Universiti Malaya. Koleksi tersebut akan melambangkan kejayaan yang dicapai oleh pihak Pusat Bahasa dalam memainkan peranan penting dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa.

LOKASI PERPUSTAKAAN PITA



TINGKAT PERTAMA PUSAT BAHASA